

**Keamanan, Kebajikan, Keampunan Dalam Sambutan Hari Wesak Menepati Semangat 1Malaysia - Najib Bernama
May 12, 2014**

KUALA LUMPUR, 12 Mei (Bernama) -- Semangat cintakan keamanan, kebajikan dan keampunan yang menjadi amalan penganut agama Buddha di Malaysia ketika menyambut Hari Wesak benar-benar menepati semangat 1Malaysia, kata Datuk Seri Najib Tun Razak.

Perdana Menteri berkata Hari Wesak, yang merupakan cuti umum bagi memperingati kelahiran, ajaran dan kematian Gautama Buddha, adalah antara perayaan paling bermakna bagi rakyat Malaysia beragama Buddha.

"Bersempena sambutan yang amat bermakna ini, rakyat Malaysia beragama Buddha akan menghayati erti kegembiraan, keamanan dan pengampunan, sambil memohon rahmat untuk diri sendiri dan orang yang mereka sayangi. Di negara kita yang harmoni, pelbagai budaya dan pelbagai etnik ini, sambutan ini akan bermula sejak sebelum subuh lgi di kuil-kuil di seluruh negara.

"Rakyat Malaysia beragama Buddha akan berhimpun di kuil untuk melepaskan merpati dan bersembahyang. Hari Wesak juga merupakan waktu untuk menghulurkan derma kepada sami dan memberi makan mereka yang kurang bernasib baik," kata Najib dalam perutusan sempena Hari Wesak, yang akan disambut Selasa.

Rakyat Malaysia telah sama-sama melalui detik manis dan detik tidak menggembirakan, tapi melalui perpaduan dan rekonsiliasi, mereka berjaya berdiri megah dan terus berusaha untuk membina sebuah negara yang lebih baik, katanya.

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin dalam perutusannya sempena sambutan Hari Wesak, berkata Malaysia sungguh bertuah kerana sifat dan toleransi serta saling memahami antara kaum yang berbeza agama, bahasa dan budaya sejak merdeka telah berjaya membawa keharmonian serta perpaduan dalam kalangan rakyat.

Beliau berkata hak dan kebebasan rakyat Malaysia yang terdiri daripada golongan kaum minoriti sentiasa terpelihara di bawah Perlembagaan serta undang-undang negara.

"Formula ini telah kita terima pakai sejak negara merdeka. Keberkesanannya telah terbukti di mana kerajaan berjaya memajukan dan membangunkan negara serta membuka peluang untuk rakyat mencari kemajuan dan kemakmuran," katanya.

Beliau berkata bagaimanapun kebelakangan ini terdapat usaha pihak tertentu untuk menghancurkan perpaduan dan menimbulkan kekecohan di dalam negara menerusi sikap keterlaluan, rusuhan jalanan dan perbalahan antara kaum.

"Kita bernasib baik kerana majoriti rakyat masih bersikap rasional dan tetap menyokong usaha kerajaan untuk mengekalkan keamanan di dalam negara menerusi tindakan undang-undang yang sedia ada," kata Muhyiddin.

Timbalan Perdana Menteri berkata setiap kaum di negara ini bebas mengamalkan bahasa, budaya dan adat resam masing-masing tanpa sebarang sekatan.

Namun begitu beliau mengingatkan bahawa walaupun nikmat dan keistimewaan tersebut sudah menjadi kebiasaan, ia harus dihargai kerana di sesetengah negara kaum minoriti sering ditindas dan hak mereka dicabuli kaum majoriti.

"Tetapi ini tidak berlaku di Malaysia. Hak dan kebebasan rakyat Malaysia yang terdiri daripada kaum minoriti sentiasa terpelihara di bawah Perlembagaan dan undang-undang negara," katanya.

Sempena sambutan Hari Wesak, Muhyiddin mengajak semua penganut Buddha di Malaysia agar terus berusaha mempereratkan hubungan antara kaum dan cintakan negara selain menyumbang kepada pembangunan serta kesejahteraan Malaysia.

Beliau berkata sambutan acara keagamaan secara besar-besaran di Malaysia merupakan manifestasi kepada dasar kebebasan beragama bagi sebuah negara yang terdiri daripada rakyat pelbagai kaum.

"Walaupun Islam diiktiraf sebagai Agama Persekutuan dan umat Islam adalah majoriti, namun ia tidak pernah menidakkan kebebasan kaum lain untuk menganut serta mengamalkan agama kepercayaan masing-masing," katanya.

Sementara itu Presiden MIC Datuk Seri G.Palanivel berkata rakyat Malaysia perlu mengetepikan perbezaan, sebaliknya mengamalkan nilai murni yang diajar setiap agama untuk memelihara keamanan dan ketenteraman ke arah mencapai kualiti hidup lebih baik.

Dalam perutusan Hari Wesaknya, Palanivel berkata sikap saling menghormati agama satu sama lain akan memastikan keamanan dan keharmonian.

"Semua agama mengajar kita supaya berbuat baik dan menghormati satu sama lain, tanpa mengira bangsa, kaum, kepercayaan dan latar belakang.

"Semua agama cintakan keamanan dan mengelak kekacauan. Ayuh kita bangun atas asas ini dan berusaha ke arah masa depan lebih baik," katanya.

Bersempena sambutan Hari Wesak esok, beliau menggesa semua pihak supaya tidak melupakan golongan kurang bernasib baik pada hari apabila usaha khusus dilakukan untuk membawa kegembiraan kepada semua.

--BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1037801>